

Maklumat Komoditi : Ubi Kayu

Maklumat Umum

UBI KAYU atau Casava atau Tapioca (*Manihot esculenta* Crantz) ialah tumbuhan tropika dan subtropika dari famili **Euphorbiaceae** yang terkenal sebagai sumber utama bahan karbohidrat dan daunnya sebagai sayuran.

Ubi kayu juga dikatakan berasal dari bahagian tropika Amerika Selatan tetapi kini taburannya hampir di semua kawasan tropika seluruh dunia.

Di Malaysia, terdapat 5 jenis varieti ubi kayu yang ditanam untuk pengeluaran setempat. Kebiasaannya pekebun atau petani akan menanam varieti yang menjadi pilihan pengusaha kerepek, makanan ringan dan pengeluaran komersial.

Terdapat 5 jenis varieti ubi kayu ialah black twig, C5, ubi medan, CM 982-7 dan klon MM92.

Ubi kayu merupakan tumbuhan umbisi yang tertanam dan membesar didalam tanah dan keratan batang ubi kayu yang dikambus mengambil masa 2 hingga 4 bulan untuk berakar dan akhirnya menghasilkan ubi.

Kesesuaian Tanaman

Kesesuaian Tanah

Tanaman Ubi Kayu sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Ubi Kayu adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Ubi Kayu.

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0-6°	6-12°
Saliran	<ul style="list-style-type: none">- Tak sempurna salir ke agak tak sempurna salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 50-75 cm dari permukaan.- Sederhana salir ke salir. Paras naik turun air berada pada bawah 75 cm dari permukaan.- Sangat salir. Keupayaan pegangan air tanah rendah.	<ul style="list-style-type: none">- Kurang salir ke agak kurang salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 25-50 cm dari permukaan.- Sangat salir. Keupayaan pegangan air tanah rendah.
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid sulfat)	≥ 75 cm	50-75 cm
Tekstur dan struktur	<ul style="list-style-type: none">Kandungan liat : >18-35%ataukandungan liat : >35% dan tanah gembur.	<ul style="list-style-type: none">Kandungan liat : 10-18%atauKandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemasinan	< 0.5 dS/m (Sangat rendah)	0.5 - 1 dS/cm (Rendah)

Sumber: Jabatan Pertanian, 2018

Penyediaan Tanah

Ubi kayu boleh ditanam diatas pelbagai jenis tanah terutama tanah gambut, tanah mineral atau tanah lom berpasir. Kawasan ladang atau kebun perlu dibersihkan dan tanahnya dibajak sebanyak 2 kali dan disisir.

Bagi varieti klon MM92, pembajakan tidak perlu dilakukan bagi penanaman di atas tanah gambut kerana tanah gambut mempunyai tekstur tanah yang lembut dan lembap.

Akan tetapi, pembajakan perlu dilakukan semasa pengapuran (0.5 -1.0 tan) dilakukan sebanyak 3 kali setahun.

Pengairan Dan Saliran

Pengurusan Air

Tanaman ubi kayu memerlukan air terutamanya pada peringkat 2 bulan pertama penanaman. Ketika ini pokok sedang membesar dengan cepat dan kekurangan air akan membantutkan pertumbuhan dan seterusnya mengurangkan penghasilan.

Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram atau menggunakan sistem pengairan renjis. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 35-75 % dan keperluan tenaga kerja yang rendah.

Sekiranya tiada sistem pengairan yang sempurna, penanaman ubi kayu hendaklah disesuaikan dengan kedatangan musim hujan di peringkat penanaman.

Perparitan

Sistem perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran. Parit ladang dibina untuk menyalirkan air berlebihan ke parit utama. Spesifikasi sistem parit adalah seperti di jadual di bawah:

Jenis Tanah	Jarak di antara parit (m)	Cerun tebing	Kedalaman bawah (m)	Lebar (m)	Kepadatan parit (m/ha)
Lom berpasir	175-200	1:1	0.90	1.2	50
Lempong kelodak	dan 60-80	0.5:1	0.75	0.5	125
Gambut	40-60	0.25:1	1.20	0.3	170

Sistem Penanaman

Jarak tanaman yang disyorkan untuk tanaman ubi kayu adalah 3 kaki x 3 kali (0.9m x 0.9m) atau 2 kaki x 2 kaki (0.6m x 0.6m).

Benih ubi kayu disediakan dengan mengerat atau memotong bahagian batang ubi kayu yang telah matang sepanjang 15-20cm. Tanah seluas 1 hektar memerlukan 605 batang keratan ubi kayu.

Keratan ubi kayu yang telah sedia untuk ditanam dibawa ke batas yang telah disediakan. Adalah disyorkan untuk menanam keratan ubi kayu dengan cara membaring atau cucuk 45 darjah dari paras tanah sedalam 10cm dan dikambus.

Sistem Pembajaan

Berikut merupakan jadual pembajaan mengikut jenis tanah:

<u>Jenis tanah</u>	<u>Nama baja</u>	<u>Kadar / ha</u>	<u>Masa menabur</u>
<u>Gambut</u>	Copper Sulfate : CIRP	34kg : 67 kg	<u>Sebelum menanam</u>
	<u>Kaliam (Muriate of Potash)</u>	67kg	<u>Sebelum menanam</u>
	CCM 44 (12:6:22:3)	449 kg	<u>Selepas menanam</u>
	Baja Nitrogen (Urea / Ammonium nitrate / sulfate)	67 kg	<u>Selepas 3 bulan</u>
<u>Lanar berpasir</u>	Baja Nitrogen (Urea / Ammonium nitrate / sulfate)	67 kg	<u>Semasa menanam</u>
	Baja fosforus CIRP	23 kg	<u>Semasa menanam</u>
<u>Kawasan tanah tinggi</u>	Baja Nitrogen (Urea / Ammonium nitrate / sulfate)	90 kg	<u>Semasa menanam</u>
	CIRP : <u>Posfat</u>	51 kg : 34 kg	<u>Semasa menanam</u>
	<u>Kaliam (Muriate of Potash)</u>	56 kg	<u>Semasa menanam</u>

Sumber: Jabatan Pertanian Perak

Penuaian

Ubi kayu yang telah mencapai tahap kematangan boleh dituai mengikut varieti yang ditanam. Isi ubi akan dicabut dari tanah dan dipotong dibahagian batangnya. Bahagian isi ubi kayu akan dikumpulkan dan dibawa ke rumah lepas tuian untuk proses pembersihan dan pengasingan gred. Semua proses ini dilakukan dengan penuh berhati hati bagi mengelakkan isi ubi kayu rosak dan cacat.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada